




Kesihatan dan Kebersihan

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1 _____ bukit atau gunung merupakan satu aktiviti yang mampu menguji kekuatan fizikal dan minda dalam mengharungi pelbagai cabaran untuk sampai ke puncak.

- | | |
|-----------|------------|
| A Mendaki | C Merentas |
| B Meredah | D Memanjat |

2 Perutnya berasa _____ setelah makan sepinggan nasi ayam di Restoran Rasa Sayang tengah hari tadi.

- | | |
|--------|----------|
| A mual | C mabuk |
| B muak | D muntah |

3 Pihak kerajaan sentiasa mengambil berat _____ nasib sesetengah orang kurang upaya yang dipinggirkan oleh keluarga sendiri.

- | | |
|-----------|------------|
| A akan | C dengan |
| B tentang | D terhadap |

4 Dalam pergelutan itu, ayah berjaya _____ pisau daripada tangan perompak yang masuk ke rumah kami.

- | | |
|------------|-------------|
| A menarik | C mencabut |
| B merampas | D mengambil |

5 Kerja-kerja _____ petroleum giat dijalankan bagi menampung kenaikan harga minyak yang melampau.

- | | |
|----------------|-----------------|
| A mencari gali | C membaik pulih |
| B menaik taraf | D mengemas kini |

6 Gadis dari Jepun itu sedang tekun meneliti cara kakak _____ sarung ketupat dengan menggunakan daun kelapa muda.

- | | |
|------------|-------------|
| A membuat | C menyimpul |
| B menyulam | D menganyam |

Bahagian B

Dalam bahan di sebelah, terdapat kesalahan-kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____

23 Jun - 2 Julai 20__

Anda lepasan SPM/STPM?
Ingin sambong belajar bersama
dengan MARA?

Sertai Kami Secara Maya
www.mara.gov.my/karnivalpma20__

- Kenal Institusi Pendidikan MARA (IPMA)
- Program Penajaan Pendidikan
- Konsultasi dan Kaunseling Kejaya
- Ujian Personality (e-Potensi)
- Permohonan dan Tawaran Terus
- Pengurangan Bayaran Balik Pinjaman dan Moratorium
- ... dan banyak lagi

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan berikutnya.

"Katak bertaring dan bertanduk?" Misa, ibu Talia menyoal apabila peristiwa itu disampaikan kepadanya.

Ayahnya, Dodo, menerima kisah itu sebagai khayalan Talia sahaja.

Namun, anggapan mereka berubah beberapa minggu selepas itu. Kisah ahli-ahli suku berselisih dengan sekeluarga makhluk seperti yang diceritakan Talia di denai yang sama heboh diperkatakan.

"Gempal macam disumbat air," kata salah seorang daripada mereka.

"Besar macam mana?" tanya Tok Sibat, ketua suku mereka.

"Dua kali kepala kita!"

Maka tahulah Talia, haiwan yang dirawatnya itu masih anak lagi.

Mereka menambah, empat kakinya berjalur kuning hijau, bercakar panjang. Garang parasnya usah dikuta, nyaris terkencing mereka melihatnya. Sempona bunyi istimewa yang dihasilkan oleh makhluk itu, mereka menggelarnya "Raksasa Qadqad".

(Dipetik daripada cerpen "Talia dan Raksasa Qadqad", dalam antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Berdasarkan petikan, rangkai kata *garang parasnya* membawa maksud
 - A mempunyai rupa yang jahat.
 - B mempunyai rupa yang ganas.
 - C mempunyai wajah yang bengis.
 - D mempunyai bentuk muka yang hodoh.
- 2 Bagaimanakah Talia mengetahui bahawa haiwan yang dirawatnya masih kecil?
 - A Berdasarkan rupa paras haiwan tersebut
 - B Berdasarkan saiz taring dan tanduk haiwan tersebut
 - C Berdasarkan saiz badan dan kepala haiwan tersebut
 - D Berdasarkan empat kaki berjalur kuning hijau haiwan tersebut
- 3 Antara berikut merupakan ciri-ciri Raksasa Qadqad, **kecuali**
 - A mempunyai taring dan tanduk.
 - B mempunyai badan yang gempal.
 - C kakinya mempunyai jalur kuning hijau.
 - D mempunyai saiz kepala dua kali ganda kepala manusia.

"Gempal macam disumbat air," kata salah seorang daripada mereka.

- 4 Apakah teknik plot bagi ayat di atas?
 - A Dialog
 - B Monolog
 - C Pemerian
 - D Imbas kembali
- 5 Apakah peleraian bagi cerpen di atas?
 - A Raksasa Qadqad dijadikan haiwan peliharaan Talia
 - B Talia membantu Binjah menangkap Raksasa Qadqad
 - C Semua Raksasa Qadqad mati dalam serangan Binjah dan pengikutnya
 - D Raksasa Qadqad menghilangkan diri setelah menyerang Binjah dan pengikutnya